

12. Pelabuhan Bintulu, pusat Gas Asli Cecair, projek-proiiek Alminium Smelting, Ureadan Ammonia, Iron ore Reduction dan Generating plant, hydroelektrik dan lain-lain rancangan, termasuklah cawangan kampus Universiti Pertanian dan Kompleks Perkayuan, adalah diantara. projek-projek besar yang akan dilaksanakan.

13. Kerajaan Persekutuan akan terus memberikan bantuan dalam bidang menyediakan perancangan dan pelaksanaan, serta juga kewangan. Memandangkan kukuhnya kedudukan kewangan Negeri Sarawak serta potensi-potensi yang boleh menarik minat pelabur-pelabur luar negeri, dan pertubuhan-pertubuhan kewangan